

KENYATAAN TAWARAN
Tawaran Khas Kepada Kontraktor Bumiputera

RUJUKAN : MPKPs / 05 / L / 160

BERTARIKH : 01 OKTOBER 2015

1. Tawaran adalah dipelawa kepada **KONTRAKTOR BUMIPUTERA TEMPATAN** yang mempunyai **SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)** yang berdaftar dengan **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (LPIPM / CIDB)** dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut :-

SYARAT PENDAFTARAN	BUTIRAN TAWARAN	TAKLIMAT TAPAK		
<p>GRED G1</p> <p>KATEGORI CE</p> <p>PENGKHUSUSAN CE14 (LANDSKAP DILUAR BANGUNAN)</p> <p>ATAU</p> <p>CE22 (TREK PADANG PERMAINAN SINTETIK)</p>	CADANGAN MENAIKTARAF TAMAN PERMAINAN KANAK-KANAK DI TAMAN DESA PAUH, ARAU, PERLIS.	<p>TARIKH : 09 OKTOBER 2015 (JUMAAT)</p> <p>MASA : 10.15 PAGI</p> <p>TEMPAT : TAMAN PERMAINAN KANAK-KANAK DI TAMAN DESA PAUH, ARAU, PERLIS</p>		

2. Naskah dokumen tawaran boleh dibeli dengan harga **RM 10.00** daripada **BAHAGIAN PEROLEHAN, MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS** di alamat No. 192, Persiaran Jubli Emas, 01000 Kangar, Perlis mulai daripada **12 OKTOBER 2015 (ISNIN)** hingga **16 OKTOBER 2015 (JUMAAT)** sebelum jam 4.30 petang. Semasa mengambil dokumen tawaran, kontraktor hendaklah mengemukakan **sijil asal PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR, SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)** serta **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** dan **satu (1) salinan** bagi setiap sijil tersebut.
3. Permohonan dan pengambilan borang yang lewat daripada tarikh disebutkan di atas tidak akan dilayan.
4. Kontraktor adalah diwajibkan mengikuti lawatan tapak yang akan diadakan pada tarikh dan masa di atas. Untuk tujuan ini, kontraktor adalah dikehendaki melaporkan diri di kawasan yang ditetapkan sahaja.
5. Dokumen tawaran yang telah dipenuhi dengan sempurna, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakari dan bertulis tajuk di sebelah kiri sampul surat serta dihantar supaya sampai ke Peti Tawaran di Majlis Perbandaran Kangar, Perlis tidak lewat dari jam **12.00 TENGAHARI** pada **20 OKTOBER 2015 (SELASA)**. Dokumen tawaran yang diserahkan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan berbangkit dari apa jua sebab tidak akan dilayan.
6. Majlis tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali atau mana-mana tawaran.

YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS